

NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 21


19hb Oktober 2015

*TAMBAHAN No. 5
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara LXXVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor:

The following Enactment, passed by the Selangor Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Selangor, is published pursuant to Clause (4) of Article LXXVIII of the Second Part of the Laws of the Constitution of Selangor:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A46	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) (No. 2) 2015
Enactment A46	Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) (No. 2) Enactment 2015



UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A46

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) (NO. 2) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja ... 30 September 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 19 Oktober 2015

UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**Enakmen A46****ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) (NO. 2) 2015**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

30 September 2015

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) (No. 2) 2015.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen (1)—

- (a) dengan memotong takrif “wakaf”;
- (b) dengan memotong takrif “wakaf am”; dan
- (c) dengan memotong takrif “wakaf khas”.

Pindaan seksyen 89

3. Seksyen 89 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “wakaf,”;
- (b) dengan memotong perenggan (a); dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “yang tersentuh oleh wakaf, nazr ‘am atau amanah itu” dengan perkataan “yang tersentuh oleh nazr ‘am atau amanah itu”.

Pindaan seksyen 90

4. Seksyen 90 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “wakaf,”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “bagi maksud wakaf, nazr ‘am atau amanah” dengan perkataan “bagi maksud nazr ‘am atau amanah”.

Pindaan seksyen 91

5. Seksyen 91 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “wakaf atau”;

- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “*wakaf or*” di mana-mana juga terdapat;
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan memotong perkataan “wakaf khas atau”;
 - (ii) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “wakaf khas atau”; dan
 - (iii) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “wakaf khas atau”;
- (d) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan “, *wakaf*”; dan
- (e) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “wakaf atau”.

Pindaan seksyen 92

6. Seksyen 92 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “wakaf dan”;
- (b) dengan memotong subseksyen (1); dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “tiap-tiap wakaf selain wakaf khas dan”.

Pindaan seksyen 93

7. Seksyen 93 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “wakaf dan”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “wakaf atau” di mana-mana juga terdapat;

- (c) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “wakaf atau” di mana-mana juga terdapat;
- (d) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “wakaf atau”; dan
- (e) dalam subseksyen (5), dengan memotong perkataan “wakaf atau”.

Pindaan seksyen 94

8. Seksyen 94 Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan “wakaf atau” di mana-mana juga terdapat.

Pindaan seksyen 95

9. Seksyen 95 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “wakaf,” di mana-mana juga terdapat; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris—
 - (i) dengan memotong perkataan “*wakaf*,”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “, *wakaf*”.

Pindaan seksyen 97

10. Seksyen 97 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “dan penalti” dengan perkataan “atau surau”; dan
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”.

Pindaan seksyen 98

11. Seksyen 98 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Bagi maksud enakmen ini, mana-mana surau yang telah dibenarkan penggunaannya sebagai masjid menurut subseksyen (1) atau apa-apa perkara yang dibenarkan dilakukan di masjid, hendaklah tertakluk kepada terma yang ditentukan oleh Majlis.”.

Pindaan seksyen 99

12. Seksyen 99 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”;
- (c) dalam subseksyen (2)—
- (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “such repairs and maintenance” dengan perkataan “the repair and maintenance of the mosque or surau”;
- (d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “masjidnya” dengan perkataan “masjid atau suraunya”;
- (e) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:
- “ (4) Semua perubahan yang material pada struktur masjid dan surau hendaklah mendapat persetujuan bertulis Majlis sebelum dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan.”; dan

(f) dalam subseksyen (5)—

- (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “Pegawai Masjid,” perkataan “Jawatankuasa Surau atau Jawatankuasa Pengurusan Surau;”;
- (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “*Pegawai Masjid*,” dengan perkataan “*Jawatankuasa Pengurusan Masjid or the Pegawai Masjid, Jawatankuasa Surau or Jawatankuasa Pengurusan Surau*;” dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”.

Pindaan seksyen 104

13. Seksyen 104 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Pengurusan Masjid, Jawatankuasa Surau dan Jawatankuasa Pengurusan Surau”;

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) penubuhan Jawatankuasa Surau;”;

(ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Kariah” perkataan “dan Jawatankuasa Surau”;

(iii) dalam perenggan (c)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Kariah” perkataan “dan Jawatankuasa Surau”; dan

(B) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(iv) dalam perenggan (d)—

(A) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(B) dengan memasukkan perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(v) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Surau, pelantikannya dan penamatannya dan fungsi-fungsi Jawatankuasa Pengurusan Surau.”; dan

(c) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “dan surau”;

(ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “the Masjid” dengan perkataan “a mosque and surau”;

(iii) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “kariah masjid” perkataan “atau menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Surau bagi sesuatu kariah surau”; dan

(iv) dalam perenggan (b)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “kariah masjid” perkataan “atau membatalkan penubuhan sesuatu Jawatankuasa Surau”; dan

- (B) dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatankuasa Pengurusan Masjid” perkataan “atau Jawatankuasa Pengurusan Surau”.

Pindaan seksyen 105

14. Seksyen 105 enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “masjid” perkataan “atau surau”.

Pindaan seksyen 119

15. Subseksyen 119(1) enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah” dengan perkataan “Mana-mana orang yang mengajar, cuba mengajar, atau menyebabkan pengajaran agama Islam tanpa tauliah”.

Diluluskan pada 17 Ogos 2015
[P.U. Sel. (ADV)GUB(R)06/08]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
*Setiausaha Dewan Negeri
Selangor*



LAW OF THE STATE OF SELANGOR

Enactment A46

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT) (NO. 2)
ENACTMENT 2015**

Date of Royal Assent ... 30 September 2015

Date of publication in the
Gazette ... 19 October 2015

LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**Enactment A46****ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT) (NO. 2)
ENACTMENT 2015**

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

30 September 2015

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) (No. 2) Enactment 2015.

(2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

Amendment of section 2

2. Section 2 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1 of 2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended in subsection (1)—

- (a) by deleting the definition of “*wakaf*”;
- (b) by deleting the definition of “*wakaf am*”; and
- (c) by deleting the definition of “*wakaf khas*”.

Amendment of section 89

3. Section 89 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by deleting the words “*wakaf*,”;
- (b) by deleting paragraph (a); and
- (c) by substituting for the words “affected by the *wakaf, nazr am* or trust” the words “affected by the *nazr am* or trust”.

Amendment of section 90

4. Section 90 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by deleting the words “*wakaf*,”; and
- (b) by substituting for the words “for the purpose of the *wakaf, nazr am* or trust” the words “for the purpose of the *nazr am* or trust”.

Amendment of section 91

5. Section 91 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the national language text, in subsection (1), by deleting the words “*wakaf or*”;

- (b) in the English language text, in subsection (1), by deleting the words “*wakaf or*” wherever they appear;
- (c) in subsection (2)—
 - (i) by deleting the words “*wakaf khas or*”;
 - (ii) in paragraph (a), by deleting the words “*wakaf khas or*”; and
 - (iii) in paragraph (b), by deleting the words “*wakaf khas or*”;
- (d) in the English language text, in subsection (3), by deleting the words “, *wakaf*”; and
- (e) in subsection (4), by deleting the words “*wakaf or*”.

Amendment of section 92

6. Section 92 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by deleting the words “*wakaf and*”;
- (b) by deleting subsection (1); and
- (c) in subsection (2), by deleting the words “every *wakaf khas and of*”.

Amendment of section 93

7. Section 93 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by deleting the words “*wakaf and*”;
- (b) in subsection (1), by deleting the words “*wakaf or*” wherever they appear;
- (c) in subsection (2), by deleting the words “*wakaf or*” wherever they appear;

- (d) in subsection (4), by deleting the words “*wakaf or*”; and
- (e) in subsection (5), by deleting the words “*wakaf or*”.

Amendment of section 94

8. Section 94 of the principal Enactment is amended by deleting the words “*wakaf or*” wherever they appear.

Amendment of section 95

9. Section 95 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the national language text, by deleting the words “*wakaf,*” wherever they appear; and
- (b) in the English language text—
 - (i) by deleting the words “*wakaf,*; and
 - (ii) by deleting the words “, *wakaf*”.

Amendment of section 97

10. Section 97 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by substituting for the words “and penalty” the words “*or surau*”; and
- (b) in subsection (1), by inserting after the word “mosque” the words “*or surau*”.

Amendment of section 98

11. Section 98 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (2), by inserting after the word “mosque” the words “*or surau*”; and

(b) by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(2A) For the purpose of this Enactment, any *surau* permitted to be used as a mosque pursuant to subsection (1) or any matter permitted to be carried out in a mosque, shall subject to the terms determined by the Majlis.”.

Amendment of section 99

12. Section 99 of the principal Enactment is amended—

(a) in the shoulder note, by inserting after the word “mosque” the words “or *surau*”;

(b) in subsection (1), by inserting after the word “mosques” the words “or *surau*”;

(c) in subsection (2)—

(i) in the national language text, by inserting after the word “masjid” the words “atau surau”; and

(ii) in the English language text, by substituting for the words “such repairs and maintenance” the words “the repair and maintenance of the mosque or *surau*”;

(d) in subsection (3), by substituting for the words “his mosque” the words “his mosque or *surau*”;

(e) by substituting for subsection (4) the following subsection:

“(4) All material alteration to the structure of a mosque and *surau* shall obtain the written agreement of Majlis before submission for approval of the local authority.”; and

(f) in subsection (5)—

- (i) in the national language text, by inserting after the words “Pegawai Masjid,” the words “Jawatankuasa Surau atau Jawatankuasa Pengurusan Surau,”;
- (ii) in the English language text, by substituting for the words “*Pegawai Masjid*,” the words “*Jawatankuasa Pengurusan Masjid* or the *Pegawai Masjid, Jawatankuasa Surau* or *Jawatankuasa Pengurusan Surau*,”; and
- (iii) by inserting after the word “mosque” the words “or *surau*”.

Amendment of section 104

13. Section 104 of the principal Enactment is amended —

(a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

“Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Pengurusan Masjid, Jawatankuasa Surau and Jawatankuasa Pengurusan Surau”;

(b) in subsection (1)—

(i) by inserting after paragraph (a) the following paragraph:

“(aa) the establishment of *Jawatankuasa Surau*;”;

(ii) in paragraph (b), by inserting after the words “*Jawatankuasa Kariah*” the words “and *Jawatankuasa Surau*;”;

(iii) in paragraph (c)—

(A) by inserting after the words “*Jawatankuasa Kariah*” the words “and *Jawatankuasa Surau*;” and

- (B) by deleting the word “and” at the end of the paragraph;
- (iv) in paragraph (d)—
- (A) by substituting for the full stop at the end of the paragraph a semi colon; and
- (B) by inserting the word “and” at the end of the paragraph;
- (v) by inserting after paragraph (d) the following paragraph:
- “(e) the establishment of a *Jawatankuasa Pengurusan Surau*, its appointment and termination and the functions of the *Jawatankuasa Pengurusan Surau*.”; and
- (c) in subsection (3)—
- (i) in the national language text, by inserting after the word “masjid” the words “dan surau”;
- (ii) in the English language text, by substituting for the words “the Masjid” the words “a mosque and surau”;
- (iii) in paragraph (a), by inserting after the words “*kariah masjid*” the words “or establish a *Jawatankuasa Pengurusan Surau* for a *kariah surau*”; and
- (iv) in paragraph (b)—
- (A) by inserting after the words “*kariah masjid*” the words “or revoke the establishment of a *Jawatankuasa Surau*”; and
- (B) by inserting after the words “*Jawatankuasa Pengurusan Masjid*” the words “or *Jawatankuasa Pengurusan Surau*”.

Amendment of section 105

14. Section 105 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by inserting after the word “mosques” the words “or *surau*”; and
- (b) by inserting after the word “mosque” the words “or *surau*”.

Amendment of section 119

15. Subsection 119(1) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “Any person who teaches the religion of Islam or any aspect of the religion of Islam without a *tauliah*” the words “Any person who teaches, attempts to teach, or causes the teaching of the religion of Islam without a *tauliah*”.

Passed this 17 August 2015
[P.U. Sel. (ADV)GUB(R)06/08]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
Clerk of the Legislative Assembly
Selangor

